

Ali baba dalam industri pembinaan

Oleh MASTURA JAAFAR

v.m m/s 10 24.02.07

KENYATAAN Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tentang perlunya dihentikan amalan ali baba adalah sesuatu yang amat mengejutkan. Ini berikutan dengan pendedahan Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya bahawa 85.37% projek yang dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera mengalir kepada kaum lain.

Jika ditinjau dari segi sejarahnya, bilangan firma binaan bumiputera mula meningkat selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu pada tahun 1970. Selain daripada matlamat utama untuk menghapuskan kemiskinan, dasar ini juga menekankan kepada peningkatan pemilihan ekuiti bumiputera dalam perniagaan. Dalam tempoh tersebut, DEB telah memberikan keutamaan pemberian kontrak kepada golongan bumiputera dengan tujuan meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam bidang perniagaan.

Sekiranya dalam tahun 1972, hanya terdapat 2,049 firma binaan bumiputera, namun sehingga tahun 2006, kita telah mempunyai sebanyak 46,789 firma bumiputera yang bersaing di dalam industri.

Nyatanya, industri ini telah berjaya menarik paling ramai pencebur bumiputera dalam bidang perniagaan. Pelbagai insentif diberikan kepada kontraktor seperti pemberian projek,

pembayaran wang pendahuluan, peruntukan pelbagai pembiayaan kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya. Sebaliknya, apa yang dapat kita lihat hari ini ialah masalah ali baba semakin meruncing. Laporan *Utusan Malaysia* pada 15 September 2005 telah mendedahkan aktiviti rasuah dan sogokan yang telah berakar umbi dalam industri pembinaan negara ini. Kesemua permasalahan ini akan memberikan impak yang besar kepada pencapaian DEB.

Penyelewengan atau korupsi dalam proses pemilihan firma yang mampu melaksanakan projek menyebabkan berlakunya ali baba. Firma yang tidak berpengalaman serta menghadapi masalah modal diberikan kepercayaan untuk membina pelbagai projek yang berharga sehingga beratus juta.

Oleh itu, ali baba ialah satu cara firma yang tidak memiliki sebarang kemahiran dan kepakaran melaksanakan projek. Antara hasilnya maka wujudlah pelbagai konflik dan masalah yang menyebabkan projek gagal disiapkan dalam masa yang ditetapkan, berkualiti rendah dan gagal berfungsi dengan baik.

Yang menariknya, walaupun DEB telah tamat pada 1990, para pemimpin kita masih lagi membuka jalan ke arah mewujudkan usahawan Melayu yang tulen melalui dasar pasca-DEB seperti Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW). Ini dilihat sebagai satu usaha yang harus disokong untuk me-

mastikan pencapaian matlamat kerajaan. Walaupun pelaksanaan DEB 30 tahun dahulu tidak membuahkan hasil yang memberangsangkan, namun terdapat peningkatan dalam jumlah pemilikan ekuiti bumiputera daripada 2.4 kepada 20.3 peratus.

Salah satu usaha untuk menyokong pencapaian matlamat kerajaan, isu ketirisan perlu diselesaikan untuk memastikan perubahan dalam kaedah pelaksanaan kontrak. Penyelidikan harus dilakukan sehingga ke peringkat akar umbi untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan tersebut.

Penyelesaian

Salah satu cabang penyelesaian ialah melihat semula kaedah pemerolehan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Satu sistem yang baru dan efektif perlu diguna pakai untuk menyelesaikan masalah ali baba, kronisme dan rasuah yang telah lama wujud dalam industri.

Kemungkinan rombakan perlu dibuat oleh pihak kerajaan terutama pihak yang terlibat dengan pengurusan kontrak dan pembayaran seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya untuk menjadikan proses pemerolehan projek lebih telus. Kajian khusus juga perlu dilakukan tentang prosedur meluluskan lesen kontraktor. Penulis sendiri membentangkan cadangan penyelidikan dalam sa-

tu seminar strategi untuk pengurus sektor awam di sebuah hotel di Kuala Lumpur baru-baru ini. Selain itu, cadangan kajian juga telah dipersembahkan untuk Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia.

Namun begitu, kajian terhadap penghasilan kaedah atau sistem pemerolehan baru tersebut lebih merupakan satu penyelesaian teknikal kepada perubahan sikap. Saya memberi hipotesis bahawa perubahan sistem akan membawa kepada perubahan budaya kerja dan sikap. Contohnya penggunaan komputer dan Internet telah merubah cara kerja dan cara hidup manusia.

Hipotesis di atas mempunyai kaitan dengan pandangan Islam yang melihat punca permasalahan di atas adalah daripada sikap manusia. Saya mengandaikan hasil daripada sistem kontrak yang tidak selaras dengan kehendak-kehendak muamalat Islam telah melahirkan usahawan yang tidak tulen yang menyebabkan banyak ketirisan berlaku baik daripada pihak yang memberikan kontrak mahupun pihak yang menjalankan kontrak.

□ DR. MASTURA JAAFAR ialah pensyarah di Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.